



Pengguna kekal nikmati kadar tarif elektrik sama

Sentiment	Neutral	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	172,826	Circulation	86,413
PR Value	51,848	Page	17



Oleh Muhammad Yusri Muzamir
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Fadillah Yusof menegaskan, semua pengguna akan kekal membayar kadar tarif elektrik yang sama seperti dinikmati sebelum ini.

Penegasan Timbalan Perdana Menteri itu dibuat sebagai maklum balas kepada pengumuman kenakan tarif elektrik dilakukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebelum ini.

Beliau yang juga **Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air** antara lain menegaskan, pengumuman TNB itu tidak menggambarkan keseluruhan keputusan kerajaan.

Ini kerana, katanya, pengumuman terbabit dibuat

SUSULAN TNB UMUM KENAIKAN TARIF ELEKTRIK

Pengguna kekal nikmati kadar tarif elektrik sama

ketika jadual tarif baharu belum dimuktamadkan, biarpun kadar purata asas sudah diputuskan kerajaan.

“Pengekalan tarif elektrik selari persetujuan kerajaan mengenai penetapan kadar purata tarif asas elektrik di Semenanjung bagi TNB di bawah mekanisma Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR), pada 13 Disember lalu.

“Persetujuan itu bagi tempoh Regulatori Keempat (RP4) bermula pada 1 Januari lalu hingga 31 Disember 2027”

Fadillah Yusof



Persetujuan itu bagi tempoh Regulatori Keempat (RP4) bermula pada 1 Januari lalu hingga 31 Disember 2027”

sember 2027.
“Kementerian pada 20



Disember lalu, juga menyatakan kenyataan media

bertajuk ‘Pengekalan Tarif Elektrik di Semenanjung: Kerajaan Menyediakan Subsidi Elektrik Sebanyak RM5.96 Bilion Bagi Tempoh 1 Januari Hingga 30 Jun 2025,’ katanya.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut)** mengenai tindakan akan diambil terhadap ahli lembaga TNB selepas membuat pengumuman palsu berkaitan kenaikan tarif elektrik oleh TNB yang melanggar obligasi Penzahiran Maklumat Material di bawah Pe-

raturan Suruhanjaya Sekuriti.

Sementara itu, Fadillah yang juga Ahli Parlimen Petra Jaya berkata, penetapan tarif asas elektrik secara asasnya dibuat berdasarkan mekanisme IBR, sejak tahun 2014.

Melalui IBR, katanya, purata tarif asas di Semenanjung untuk TNB akan dikaji setiap tiga tahun berserta penetapan parameter asas bagi perniagaan TNB yang diselia melalui Suruhanjaya Tenaga (ST).